



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - ISNIN, 28 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	SEJAHTERA MADANI BUKAN SEKADAR BASMI KEMISKINAN		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2025/07/1425106/sejahtera-madani-bukan-sekadar-basmi-kemiskinan?source=widget	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	AHLI KELUARGA, MASYARAKAT PERLU LEBIH PEKA PENYAKIT KANSER – DR WAN AZIZAH		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/ahli-keluarga-masyarakat-perlu-lebih-peka-penyakit-kanser-dr-wan-azizah/	BULETINTV3.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/pesakit-kanser-perlu-fokus-positif-nasihat-wan-azizah-HF14557880	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2449965	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2449979	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/dr-wan-azizah-inspires-cancer-patients-with-hope-and-resilience-EF14558084	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BAYI EMPAT BULAN MAUT DIPERCAYAI TERSEDAK SUSU		NEGATIF
	https://malaysiagazette.com/2025/07/27/bayi-empat-bulan-maut-dipercayai-tersedak-susu/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KANAK-KANAK TERTINGGAL DI RESTORAN SELEPAS MAKAN BERSAMA KELUARGA		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/27/kanak-kanak-ditinggalkan-di-restoran-selepas-makan-bersama-keluarga/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SAYA HANYA BERTINDAK MENGACU PISTOL TIRUAN, BUKAN TEMBAK		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1425162/saya-hanya-bertindak-mengacu-pistol-tiruan-bukan-tembak	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/07/1251069/pahan-g-youth-who-used-fake-gun-scare-man-among-26-doing-community	NST.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1245366/saya-hanya-acu-pistol-tiruan-bukan-nak-tembak	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	IBU DAN BAYI MAUT DALAM KEMALANGAN DI DUNGUN		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ibu-dan-bayi-maut-dalam-kemalangan-di-dungun	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/ibu-dan-bayi-18-bulan-maut-empat-cedera-kemalangan-pulang-beli-barang-dapur/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/27/ibu-bayi-18-bulan-maut-honda-civic-jatuh-gaung/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740544/berita/semasa/ibu-bayi-maut-kereta-terbabas	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2449844	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/27/ibu-dan-bayi-maut-kereta-terhumban-dalam-gaung-di-dungun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/27/mother-and-baby-killed-in-kerteh-crash	THESTAR.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/27/mother-and-baby-killed-4-family-members-hurt-in-kerteh-crash	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/07/27/video-barang-dapur-bertaburan-ibu-dan-bayi-18-bulan-maut-lepas-honda-civic-terbabas-di-kerteh	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=lvq8FuQfkw	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	WARGA EMAS 2 ISTERI DIDAKWA ROGOL ADIK IPAR		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1245364/warga-emas-2-isteri-didakwa-rogol-adik-ipar	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/27/warga-emas-didakwa-noda-adik-ipar-dalam-bilik-tidur/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/warga-emas-mengaku-tidak-bersalah-rogol-adik-ipar/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1425178/warga-emas-didakwa-rogol-adik-ipar	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/27/warga-emas-mengaku-tak-salah-rogol-adik-ipar	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740545/berita/semasa/peniaga-santan-didakwa-rogol-adik-ipar	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1251066/elderly-man-two-wives-charged-raping-sister-law	NST.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/07/27/coconut-milk-trader-64-charged-with-raping-18-year-old-sister-in-law-in-bachok/185387	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	DOCTOR ACCUSED OF SERIAL MISCONDUCT, MOLESTATION TO FACE HEALTH MINISTRY PROBE		NEGATIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/07/1251147/doctor-accused-serial-misconduct-molestation-face-health-ministry-probe	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/27/let-the-health-dg-handle-penang-doctor-molest-case-says-health-minister	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sejahtera MADANI bukan sekadar basmi kemiskinan

Oleh Prof Dr Zaid Ahmad - Julai 27, 2023 @ 9:56am



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucapan pada Majlis Peluncuran Inisiatif Kesejahteraan Rakyat Malaysia (Sejahtera MADANI) di Kompleks Seri Perdana. - Foto BERNAMA

Di bawah kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerajaan memacu satu pendekatan holistik dan penuh kesungguhan bagi memangkas kemiskinan melalui pelancaran Inisiatif Kesejahteraan Rakyat Malaysia MADANI (Sejahtera MADANI).

Program ini satu inisiatif nasional diselenggarakan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan menyasarkan keluarga miskin dan miskin tegar berdaftar dalam Sistem eKasih.

Ia menghimpunkan pelbagai bentuk bantuan dan intervensi rentas kementerian, agensi kerajaan, badan korporat dan pertubuhan masyarakat sivil.

Dilancarkan Khamis lalu, Sejahtera MADANI menyaksikan satu sambutan luar biasa daripada sektor swasta. Perdana Menteri sendiri mengakui beliau pada mulanya hanya mengharapkan sumbangan sekitar RM50 juta, namun ternyata sambutan daripada korporat melepasi jangkaan sehingga mencecah RM120 juta.

Jumlah ini bukan sahaja mencerminkan keprihatinan sektor korporat terhadap isu kemiskinan, malah membuktikan keyakinan tinggi mereka terhadap keikhlasan, tatakelola dan ketelusan kerajaan menguruskan inisiatif ini.

Sebanyak 38 syarikat dan yayasan korporat tampil menyumbang kepada Tabung Kesejahteraan Rakyat. Antara penyumbang utama ialah Weststar Group dengan sumbangan sebanyak RM15 juta.

Beberapa syarikat gergasi lain turut memberikan sumbangan masing-masing sebanyak RM10 juta, antaranya YTL Corporation Berhad, Berjaya Corporation Berhad, MMC Corporation Berhad, Genting Berhad, DRB-Hicom Berhad, dan Tradewinds Group (Malaysia) Sdn Bhd dan Yayasan AlBukhary.

Sapura Secured Technologies menyumbang sebanyak RM3 juta, manakala Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) menyumbang sebanyak RM2.61 juta.

Syarikat lain seperti Malaysia Resources Corporation Berhad (MRCB), Peninsular Medical Sdn Bhd, Yinson Holdings Berhad, WCT Berhad, Westports Malaysia Sdn Bhd, Pavillion Real Estate Investment Trust, NAZA Corporation Holding Sdn Bhd, SP Setia Sdn Bhd, dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) masing-masing memberi sumbangan sebanyak RM1 juta.

Selain itu terdapat 15 syarikat memberikan sumbangan bernilai antara RM100,000 hingga RM500,000.

Selain sumbangan kewangan, beberapa syarikat menyumbang melalui program intervensi sosial lebih berfokus dan lestari. Telekom Malaysia Berhad (TM) menyalurkan program keusahawanan digital bernilai RM10 juta; Grab Malaysia melaksanakan inisiatif pemerikasaan ekonomi bernilai RM5 juta; Prudential BSN Takaful Berhad menyumbang melalui program Microtakaful Jariyah (MTJ) sebanyak RM3 juta.

Ini mencerminkan pembabitatan menyeluruh sektor korporat dalam memacu agenda pembangunan sosial bersama kerajaan.

Sejahtera MADANI dirangka berdasarkan pendekatan menyeluruh negara atau 'Whole-of-Nation Approach' dan dilaksanakan dengan kerjasama sepuluh kementerian utama.

Kementerian terbabit termasuk Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bantuan bersasar lebih berkesan

Kerjasama erat antara kementerian ini membolehkan pelaksanaan bantuan bersasar lebih berkesan dan berimpak tinggi kepada kumpulan sasaran.

Teras utama Sejahtera MADANI berpaksikan kepada empat kluster bantuan utama iaitu peningkatan pendapatan, pendidikan, perumahan dan kebajikan.

Dari segi peningkatan pendapatan, program ini menawarkan bantuan modal dan peralatan untuk memulakan perniagaan kecil, latihan kemahiran meningkatkan kebolehpasaran, padanan pekerjaan serta program pembangunan keusahawanan mikro dan komuniti.

Dalam aspek pendidikan, anak daripada keluarga eKasih dibantu melalui kelas tambahan percuma, sokongan barangan asas persekolahan dan bantuan kewangan melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

Bagi aspek perumahan, bantuan disalurkan dalam bentuk baik pulih rumah usang/tidak selamat, pembinaan rumah baharu, penyambungan bekalan air dan elektrik serta bantuan kos sewa rumah bagi mereka yang kehilangan tempat tinggal.

Dalam kluster kebajikan pula, Sejahtera MADANI menyediakan bantuan sekali beri seperti peralatan kesihatan, makanan asas dan barangan keperluan segera.

Manfaat daripada pelaksanaan Sejahtera MADANI akan dirasai oleh keluarga miskin dan miskin tegar melalui peningkatan taraf hidup keluarga miskin/miskin tegar melalui bantuan bersasar, peluang menyertai program pendidikan, latihan kemahiran, bantuan perumahan dan keusahawanan serta akses kepada peluang pekerjaan dan kesihatan yang lebih baik.

Ia juga memberi ruang kepada syarikat untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) secara berimpak tinggi dan terancang, menjadi rakan strategik kerajaan membantu masyarakat serta meningkatkan reputasi dan pembabitatan komuniti syarikat melalui projek berimpak sosial.

Mereka akan mendapat manfaat pengecualian cukai pendapatan di bawah Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967, sekali gus mendorong lebih ramai penyertaan korporat membina negara sejahtera.

Pelaksanaan Sejahtera MADANI dijangka mampu mengeluarkan keluarga miskin daripada perangkap kemiskinan melalui pemerikasaan ekonomi dan bantuan bersasar.

Ia juga akan mengurangkan ketidaksamarataan dalam akses pendidikan, pekerjaan dan perumahan, serta mewujudkan ekosistem sosial inklusif dan mampan.

Penulis adalah Pensyarah di Jabatan Sejarah & Tamadun, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdul Hamid Abu Sulaiman, UIA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ahli keluarga, masyarakat perlu lebih peka penyakit kanser – Dr Wan Azizah

🕒 27 Julai 2025, 10:07pm



Oleh: Asyih Ariffin

SHAH ALAM: Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menasihati agar lebih ramai ahli keluarga dan masyarakat mengambil tahu dan peka mengenai penyakit kanser.

Dr Wan Azizah berkata, antara faktor penting yang mempengaruhi pesakit-pesakit kanser adalah kualiti kehidupan dari aspek mental dan fizikal.

"Kita mahukan lebih ramai ahli keluarga dan masyarakat mempunyai maklumat, faham dan mempunyai empati yang tinggi berkenaan penyakit kanser dan kesan jangka panjang," katanya dalam ucapan sempena Majlis Amal Pertubuhan Prihatin dan Sokongan Kanser Wanita (KAWAN) di sini hari ini.

Dr Wan Azizah berkata, kerajaan melalui pelbagai jabatan dan agensi, terutamanya Kementerian Kesihatan (KKM) menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk pesakit kanser melalui Inisiatif Peka B40 dan Skim MySalam yang memberi insentif kewangan, bantuan alat perubatan, tambang pengangkutan bagi meringankan beban pesakit.

Tambahnya, perkhidmatan saringan awal kanser dengan bayaran yang nominal turut disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta fasiliti kesihatan lain di seluruh negara.

Beliau turut mengingatkan pesakit kanser agar sentiasa positif dalam menjalani kehidupan seharian kerana penyakit berkenaan bukanlah penamat kepada segala-galanya.

"Kita perlu sentiasa positif, jangan negatif. Hargai walau sekecil-kecil perkara.

"Kita perlu meraikan harapan yang membara dalam diri dan setiap daripada anda boleh membuktikan kanser bukan penamat. Kanser hanyalah untuk menguatkan diri kita insya-Allah," ujarnya.

Terdahulu, Dr Wan Azizah hadir merasmikan Majlis Amal KAWAN yang bertemakan "Sentuhan Harapan, Dakapan Gemilang" bertujuan meraikan pesakit kanser wanita serta memberi penghargaan kepada pesakit yang cecal menghargai cabaran penyakit ini.

Turut hadir adalah Pengerusi dan Pengasas Pertubuhan KAWAN Dorizima Md Yusof.

Seramai 330 individu diraikan ada majlis itu dengan 126 daripadanya adalah pesakit kanser

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi empat bulan maut dipercayai tersedak susu

Oleh: Reza A Hamid - 27 July 2023



Gambar hiasan.

ALOR GAJAH – Seorang bayi perempuan berusia empat bulan maut dipercayai tersedak susu yang diberi bapanya di rumahnya di Kuala Sungai Baru di sini, awal pagi kelmarin.

Kejadian berlaku kira-kira jam 5 pagi Jumaat, selepas bapanya berusia 28 tahun yang baru pulang dari kerja kilang memberikan susu kepada anak sulungnya itu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Deputy Superintendan Azrul Mohamed berkata, ketika kejadian, isterinya berusia 22 tahun baru 15 minit keluar bekerja di sebuah kilang di Kelemak, di sini.

“Selepas memberikan anaknya susu botol pada jam 5 pagi, lelaki itu yang baru pulang dari kerja pada jam 4.30 pagi terlelap dan hanya terjaga dari tidur lima jam kemudian.

“Sebaik sedar pada jam 10 pagi, dia mendapati anaknya sudah tidak bergerak ketika dikejutkan sebelum bergegas membawanya ke Klinik Kesihatan Kuala Sungai Baru pada jam 10.15 pagi,” katanya ketika dihubungi MalaysiaGazette di sini hari ini.

Menurutnya, doktor kemudian memberikan bantuan pernafasan namun bayi berkenaan tidak menunjukkan sebarang tindak balas sebelum disahkan meninggal dunia pada jam 10.40 pagi.

“Jenazah kemudian dibawa ke Bahagian Forensik Hospital Alor Gajah untuk proses bedah siasat dan keputusannya ‘pending laboratory investigation’ (menunggu laporan lengkap makmal).

“Kes setakat ini diklasifikasikan sebagai SDR (kematian mengejut) sehingga pihak polis menerima laporan penuh analisa makmal,” tambahnya.

Jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kuala Linggi. – MalaysiaGazette



Timbalan Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Deputy Superintendan Azrul Mohamed

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANGGOTA polis memantau keadaan kanak-kanak yang ditinggalkan di sebuah restoran sebelum dibawa ke IPD Temerloh malam semalam.

Kanak-kanak tertinggal di restoran selepas makan bersama keluarga

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN 27 Julai 2025, 9:42 am

TEMERLOH – Seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun ditemui orang ramai tertinggal di sebuah restoran selepas singgah makan bersama keluarganya di restoran itu malam semalam.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mazlan Hassan berkata, berdasarkan maklumat, kanak-kanak berkenaan datang bersama keluarga dan saudara maranya yang menaiki dua buah kereta.

“Difahamkan kanak-kanak ini pada mulanya hendak mengikuti sepupu bapanya tetapi tidak menaiki kenderaan sepupu bapanya.

“Masing-masing hanya sedar ketiadaan kanak-kanak ini apabila sampai dekat Gambang, Kuantan,”katanya di sini hari ini

Menurutnya, keluarga kanak-kanak berkenaan telah menghubungi Ibu Pejabat polis Daerah (IPD) Temerloh pada pukul 11.30 malam semalam.

Katanya, kanak-kanak berkenaan yang berada dalam keadaan baik diambil oleh keluarganya pada pukul 12.40 tengah malam di IPD Temerloh. -KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

TAJUK : KERANA PISTOL TIRUAN RM300

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 JUL 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan

"Saya cuma mengugut untuk menembak lelaki berkenaan menggunakan pistol tiruan selepas dia bercakap begitu kasar serta biadab dengan ibu saya, saya tidak berniat untuk menembaknya," kata Aidil (bukan nama sebenar).

Disebabkan kejadian itu, pemuda berusia 20 tahun berasal dari Bentong itu dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan perintah khidmat masyarakat di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang selama 240 jam dalam tempoh dua tahun.

Menurut Aidil, kejadian pada tahun lalu itu berlaku ketika dia bertugas sebagai pengawal keselamatan di Bentong.

Katanya, kejadian berkenaan menyebabkan dia dihadapkan ke mahkamah kerana melakukan dua kesalahan iaitu memiliki pistol tiruan dan mengugut.

"Saya tidak dapat mengawal kemarahan hingga bertindak mengacukan pistol tiruan itu kepada lelaki terbabit dengan tujuan supaya lelaki berkenaan segera berdiam dan segera beredar.

"Pistol yang saya beli dengan harga RM300 itu boleh digunakan untuk menembak menggunakan peluru ball bearing (bebola besi) namun saya tidak berniat untuk mencederakan lelaki terbabit, saya mengacukan pistol hanya untuk mengugutnya sahaja tidak lebih daripada itu.

Kerana pistol tiruan RM300

Remaja kini jalani perintah khidmat masyarakat akui gagal kawal kemarahan



PESALAH yang menjalani hukuman perintah khidmat masyarakat sedang mengikuti Program PKM Beret 2025 dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang di Ibu Pejabat APM Pahang. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

"Saya tidak menyangka tindakan saya itu berakhir dengan episod hitam apabila ditahan polis dalam masa beberapa jam selepas kejadian terbabit, akhirnya saya dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman perintah khidmat masyarakat," katanya.

Dia ditemui pada Program PKM Beret 2025 dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang di Ibu

Pejabat APM Pahang di sini, semalam.

Seramai 26 peserta PKM menyertai program sehari itu.

Seorang lagi pesalah dewasa dikenali sebagai Aida, 40, berkata, tekanan hidup yang melampau di Kuala Lumpur mendorong dia bertindak mendera dengan memukul anak saudaranya berusia setahun enam bulan hingga menyebabkan terdapat kesan lebam pada

bahagian belakang kanak-kanak berkenaan.

"Kesempitan hidup dengan hanya tinggal dalam bilik sempit menyebabkan saya tidak dapat mengawal diri hingga bertindak memukul kanak-kanak berkenaan. Pada masa sama saya juga mempunyai empat anak berusia setahun hingga 14 tahun.

"Saya tidak menyangka ketika kanak-kanak itu dirawat di hospital kerana sa-

wan, doktor mengesan terdapat kesan lebam pada bahagian belakang kanak-kanak berkenaan yang akhirnya menjadi kes polis.

"Saya menerima balasan hukuman perintah khidmat masyarakat selama 240 jam," katanya yang kini menetap di Cameron Highlands.

Bagi Salmah, 19, yang berasal dari Temerloh pula, dia menjadi mangsa keldai akaun pihak tidak bertanggungjawab hingga menyebab-

kan dia menerima hukuman selepas polis mengesan seorang individu memasukkan sebanyak RM2,000 ke dalam akaun miliknya.

"Nasihat saya pada golongan remaja supaya lebih berhati-hati dalam sebarang urusan yang berkaitan dengan pemberian nombor akaun bank bagi mengelak di salah guna oleh sindiket penipuan.

"Disebabkan kecuaiannya sendiri akhirnya saya menerima hukuman perintah khidmat masyarakat selama 60 jam," katanya yang menanam impian untuk menyambung pengajiannya di peringkat universiti.

Sementara itu, Pengarah JK M Pahang, Khairul Amri Ahmad berkata, ketika ini terdapat 52 pesalah kanak-kanak, muda dan dewasa termasuk lima wanita dikenakan hukuman perintah khidmat masyarakat di negeri terbabit.

Menurutnya, program yang diadakan itu bertujuan membina semangat juang dan jati diri dalam kalangan pelatih seterusnya melahirkan individu yang mantap dari segi jasmani, emosi, rohani dan disiplin dalam mengharungi kehidupan.

Katanya, mereka terbabit melakukan pelbagai kesalahan antaranya mencuri, seksual, lalu lintas, merojol, dadah, ugutan, dera dan lumba haram.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Saya hanya bertindak mengacu pistol tiruan, bukan tembak

Oleh Mohd Rafi Mamat - Julai 27, 2025 @ 11:57am



Pesalah yang sedang menjalani hukuman perintah khidmat masyarakat sedang mengikuti Program PKM Beret 2025 dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang di Ibu Pejabat APM Pahang. - Foto NSTP/MOHD RAFI MATAMAT

KUANTAN: "Saya cuma mengugut untuk menembak lelaki berkenaan menggunakan pistol tiruan selepas dia bercakap begitu kasar serta biadap dengan ibu saya, saya tidak berniat untuk menembaknya," kata Aidil (bukan nama sebenar).

Disebabkan kejadian itu, remaja berusia 20 tahun berasal dari Bentong itu dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan perintah khidmat masyarakat di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang selama 240 jam dalam tempoh dua tahun.

Menurut Aidil, kejadian pada tahun lalu itu berlaku ketika dia bertugas sebagai pengawal keselamatan di Bentong.

Kejadian berkenaan menyebabkan dia dihadapkan ke mahkamah kerana melakukan dua kesalahan iaitu memiliki pistol tiruan dan mengugut.

Katanya, semasa kejadian dia tidak dapat mengawal kemarahan hingga bertindak mengacukan pistol tiruan itu kepada lelaki terbabit dengan tujuan supaya lelaki berkenaan segera berdiam dan segera beredar.

"Pistol yang saya beli dengan harga RM300 itu boleh digunakan untuk menembak menggunakan peluru ball bearing (bebola besi) namun saya tidak berniat untuk mencederakan lelaki terbabit, saya mengacukan pistol hanya untuk mengugutnya sahaja tidak lebih daripada itu.

"Saya tidak menyangka tindakan saya itu berakhir dengan episod hitam apabila ditahan polis dalam masa beberapa jam selepas kejadian terbabit, akhirnya saya dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman perintah khidmat masyarakat selama 240 jam di bawah seliaan JKM Pahang," katanya.

Dia ditemui pada Program PKM Beret 2025 dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang di Ibu Pejabat APM Pahang, di sini hari ini. Seramai 26 peserta PKM menyertai program sehari itu.

Seorang lagi pesalah dewasa dikenali sebagai Aida, 40, berkata, tekanan hidup yang melampau di Kuala Lumpur mendorong dia bertindak mendera dengan memukul anak saudaranya berusia setahun enam bulan hingga menyebabkan terdapat kesan lebam pada bahagian belakang kanak-kanak berkenaan.

"Kesempatan hidup dengan hanya tinggal dalam bilik sempit menyebabkan saya tidak dapat mengawal diri hingga bertindak memukul kanak-kanak berkenaan, dalam masa sama saya juga mempunyai empat anak berusia setahun hingga 14 tahun.

"Saya tidak menyangka ketika kanak-kanak itu dirawat di hospital kerana sawan, doktor mengesan terdapat kesan lebam pada bahagian belakang kanak-kanak berkenaan yang akhirnya menjadi kes polis. 'Nasi telah menjadi bubur' saya menerima balasan hukuman perintah khidmat masyarakat selama 240 jam," katanya yang kini menetap di Cameron Highlands.

Bagi Salmah, 19 yang berasal dari Temerloh, tahun lalu dia menjadi mangsa keldai akaun pihak tidak bertanggungjawab hingga menyebabkan dia menerima hukuman selepas polis mengesan seorang individu memasukkan sebanyak RM2,000 ke dalam akaun miliknya.

"Nasihat saya pada golongan remaja supaya lebih berhati-hati dalam sebarang urusan yang berkaitan dengan pemberian nombor akaun bank bagi mengelak di salah guna oleh sindiket penipuan.

"Disebabkan kecuaiannya sendiri akhirnya saya menerima hukuman perintah khidmat masyarakat selama 60 jam," katanya menanam impian untuk menyambung pengajian di peringkat universiti.

Sementara itu, Pengarah JKM Pahang Khairul Amri Ahmad berkata, kini terdapat seramai 52 pesalah kanak-kanak, pesalah muda dan pesalah dewasa termasuk lima wanita kini dikenakan hukuman perintah khidmat masyarakat di negeri terbabit.

Menurutnya, program yang diadakan itu bertujuan membina semangat juang dan jati diri dikalangan pelatih seterusnya melahirkan individu yang mantap dari segi jasmani, emosi, rohani dan disiplin dalam mengharungi kehidupan.

Katanya, mereka terbabit melakukan pelbagai kesalahan antaranya mencuri, seksual, lalu lintas, merogol, dadah, ugutan, dera dan lumba haram.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MUM, TODDLER KILLED IN ACCIDENT

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 28 JUL 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

4 INJURED

MUM, TODDLER KILLED IN ACCIDENT

Husband and other
child suffer
minor injuries

DUNGUN

A WOMAN, 25, and her 18-month-old daughter were killed, and four other family members

injured in an accident in Jalan Kilang Kelapa Sawit, near Gugusan Rasau, in Kerteh, about 6pm on Saturday.

Dungun police chief Superintendent Maizura Abdul Kadir said Nur Suhaila Azman died at the scene, while her daughter, Nur Aira Humaira Mohamad Sharool, died on the way to the Ketengah Jaya Clinic.

Maizura said the woman's husband, Mohamad Sharool Nizam



The accident took place in Jalan Kilang Kelapa Sawit in Kerteh, Terengganu, on Saturday. BERNAMA PIC

Hamzah, 32, and their 3-year-old daughter, Nur Aisya Humaira, suffered minor injuries.

"Two more victims — Mohamad Sharool's mother Timah Mohamad, 73, and her son, Ruza-

imi Abd Rashid, 48 — suffered serious injuries.

"The victims were on their way home from Dungun to Felda Kerteh 4 when the accident occurred," Maizura said when con-

tacted.

The injured victims were taken to Dungun Hospital, while the two bodies were taken to the hospital's forensic unit.

Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

TAJUK : WANITA, BAYI PEREMPUAN 18 BULAN MAUT TERBABIT NAHAS

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 JUL 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Dungun: Seorang wanita dan bayi perempuannya berusia 18 bulan maut, manakala empat lagi ahli keluarga mereka cedera dalam kemalangan di Jalan Kilang Kelapa Sawit dekat Gugusan Rasau Kerteh di sini, kira-kira jam 6 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Dungun Superintendan Maizura Abdul Kadir berkata, Nur Suhailla Azman, 25, didapati maut di tempat kejadian, manakala bayi perempuannya Nur Aira Humaira Mohamad Sharool meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke Klinik Kesihatan Ke-

Wanita, bayi perempuan 18 bulan maut terbabit nahas

tengah Jaya, di sini.

Beliau berkata, selain itu suami mangsa, Mohamad Sharool Nizam Hamzah, 32, dan anak sulung mereka, Nur Aisya Humaira berusia tiga tahun mengalami kecederaan ringan.

Menurutnya, dua lagi mangsa iaitu ibu kepada Mohamad Sharool, Timah Mohamad, 73, dan anak-

nya, Ruzaimi Abd Rashid, 48, dilaporkan parah.

"Turut difahamkan, ketika kejadian kesemua mangsa yang menaiki sebuah kereta sedang dalam perjalanan pulang ke rumah mereka di Felda Kerteh 4 dari bandar Dungun," katanya ketika dihubungi.

Maizura berkata, mangsa yang cedera dibawa ke

Hospital Dungun untuk rawatan, manakala mayat dua beranak itu dibawa ke Unit Forensik hospital sama untuk tindakan lanjut. - BERNAMA

"Kesemua mangsa menaiki sebuah kereta sedang dalam perjalanan pulang ke rumah mereka di Felda Kerteh 4 dari bandar Dungun"

Ketua Polis Daerah Dungun Superintendan Maizura Abdul Kadir

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu dan bayi maut dalam kemalangan di Dungun

Nasional - Dicipta: 27 Julai 2025 10:47 AM



Foto RTM

DUNGUN, 27 Julai – Seorang wanita dan bayi perempuan berusia 18 bulan maut, manakala empat yang lain cedera selepas kereta dinaiki terbabas sebelum terjunam ke dalam gaung di Jalan Kilang Kelapa Sawit Felda Kerteh 2 dan 3, di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 6.24 petang itu, mangsa Nur Suhailla Azman, 25, maut di lokasi akibat kecederaan parah di leher dan badan, manakala anak bongsunya, Nur Alisya Humaira Mohamad Shahrool Nizam, disahkan meninggal dunia semasa menerima rawatan di Klinik Kesihatan Ketengah Jaya.

Nenek mangsa, Timah Mohammad, 73, turut mengalami kecederaan parah di kepala dan kini dirawat di Hospital Dungun.

Tiga lagi mangsa iaitu Mohammad Sharol Nizam Hamzah, 32; Ruzaimi Abd Rashid, 48; serta anak sulung Suhailla, Nur Aisya Humaira, 3 tahun hanya mengalami cedera ringan.

Ketua Polis Daerah Dungun, Superintenden Maizura Abdul Kadir berkata, ketika kejadian, mereka dalam perjalanan pulang dari Bandar Dungun ke rumah di Felda Kerteh 4.

“Kereta dipercayai hilang kawalan lalu terbabas ke kiri jalan sebelum terjunam ke dalam gaung sedalam tiga meter ketika hujan,” katanya ketika ditemui media.

Ujar Maizura, kesemua mangsa tersepit dalam kenderaan yang remuk sebelum berjaya dikeluarkan oleh anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Paka.

Mayat kedua-dua mangsa dibawa ke Jabatan Forensik Hospital Dungun untuk bedah siasat, manakala kesemua yang cedera menerima rawatan di hospital sama.

Kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



**MALAYSIA
MADANI**

TAJUK : **MOHON DIBICARAKAN**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **28 JUL 2025**

M/SURAT : **05**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

TERTUDUH tidak mengaku bersalah atas pertuduhan dikesan terhadapnya di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



Mohon dibicarakan

Warga emas didakwa perkosa adik ipar yang berusia 18 tahun

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Seorang warga emas didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol adik iparnya di sebuah kampung di Bachok pada Januari lalu.

Tertuduh yang berusia 64 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan

ketika pertuduhan dibicarakan di hadapan Hakim Zulkifli Abillah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol adik ipar berusia 18 tahun di sebuah bilik pada kira-kira jam 3 petang, 18 Januari lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara

sehingga 30 tahun dan juga sebatan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Mazlan dan tertuduh diwakili peguam, Ahmad Nurie Ab Rahman.

Terdahulu, Siti Hajar tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh mendampingi mangsa dalam kes ini adalah adik ipar

tertuduh dan keluarga tertuduh juga tinggal bersama mangsa.

Ahmad Nurie pula memohon jaminan diberikan memandangkan anak guamnya seorang yang bekerja sebagai peniaga santan perlu menanggung keluarga dan mempunyai dua isteri.

Mahkamah kemudiannya menawarkan jaminan RM12,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 25 Ogos sebagai tarikh sebutan semula kes.

**Mahkamah
tawarkan jaminan
RM12,000 dengan
seorang penjamin**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga emas 2 isteri didakwa rogol adik ipar

Nor Fazlina Abdul Rahim
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Kota Bharu: Warga emas didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol adik iparnya di Kampung Kubang Golok, Bachok pada Januari lalu.

Tertuduh yang berusia 64 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibicarakan di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol adik ipar berusia 18 tahun di sebuah bilik di Kampung Kubang Golok pada 3 petang 18 Januari lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan juga sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Mazlan dan tertuduh diwakili peguam, Ahmad Nurie Ab Rahman.

Terdahulu, Siti Hajar tidak menawarkan sebarang jaminan memandangkan mangsa dalam kes ini adalah adik ipar tertuduh dan keluarga tertuduh juga tinggal bersama mangsa.

Ahmad Nurie pula memohon jaminan diberikan memandangkan anak guamnya yang bekerja sebagai peniaga santan perlu menanggung keluarga dan mempunyai dua isteri.

Mahkamah kemudiannya menawarkan jaminan RM12,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 25 Ogos sebagai tarikh sebutan semula kes.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : DOCTOR TO FACE HEALTH MINISTRY PROBE

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 28 JUL 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

ACCUSED OF REPEATED INDECENT ACTS

DOCTOR TO FACE HEALTH MINISTRY PROBE

Case will be referred to the health director-general, says minister

HAKIM MAHARI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Health Ministry is escalating the case of a Penang doctor accused of repeated indecent acts to its senior medical leadership for immediate review and action.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the case would be referred to the health

director-general, with decisions to follow based on expert advice and investigation findings.

"I will notify the director-general immediately. Such cases fall under his or the deputy director-general's purview," he said after launching the book, *Crisis and Community: Covid-19 in Malaysia* yesterday.

He stressed that the ministry took such allegations seriously and acted on every complaint,

even if the outcomes were not always made public.

"We follow through on every case. The public may not always see it, but internal mechanisms, including a dedicated committee, are in place," he said.

The doctor was most recently arrested on July 22 for allegedly molesting a female patient at a private clinic in Bayan Baru.

He had previously been detained multiple times for similar misconduct at a hospital in George Town.

He was first arrested on Feb 27 after reportedly convincing a 21-year-old patient to undress for a heart check without a female

nurse present.

He was released on bail on March 2 and re-arrested on March 7 over the same case.

Separately, Dzulkefly said the ministry was reviewing hundreds of transfer appeals from health-care workers in Sabah and Sarawak, while ensuring services there were not disrupted.

"We're processing valid applications seriously. The goal is to find the right formula."

Deputy Health Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni recently revealed that 600 personnel had requested transfers, raising concerns over staffing in the two states.

Dzulkefly said the ministry was considering improved incentives to encourage long-term postings.

"We're looking at better pay and support. Some may still find it difficult to commit, but we're addressing the issue."

He said no new transfer system was being introduced, with requests continuing under the mutual agreement arrangement.

"There'll always be a small group who struggle to stay, but I've seen many turnarounds."

"At Hospital Mesra Bukit Padang, I met staff who initially refused their posting."

"Now they're in their 10th year and still going strong."

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Doctor accused of serial misconduct, molestation to face Health Ministry probe

By Hakim Mahari - July 27, 2025 @ 6:15pm



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad - NSTP FILE PIC

KUALA LUMPUR: The case of a Penang doctor allegedly involved in repeated indecent acts will be escalated to the Health Ministry senior medical leadership for immediate assessment and action.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the case would be referred to the Health director-general, with further action to be taken based on expert advice and investigation outcomes.

"I will immediately notify the director-general.

"Cases like this fall under the responsibility of the director-general or deputy director-general for medical," he told reporters after attending the book launch of *Crisis and Community: Covid-19 in Malaysia* here today.

He said the ministry takes such allegations seriously and follows up on every complaint lodged, even if the outcomes are not always made public.

"If a complaint is made, we act on it.

"Every case is followed through.

"The public may not always see it, but we have internal mechanisms, including a dedicated committee, to address such matters," he said.

The doctor in question was reportedly arrested on July 22 for **allegedly molesting a female patient** at a private clinic in Bayan Baru.

It is understood that the same individual had previously been detained several times over similar allegations of indecent behaviour at a hospital in George Town.

He was first arrested on Feb 27 for allegedly behaving inappropriately towards a 21-year-old **female patient**.

Reports suggest the medical officer convinced the patient to undress under the pretext of conducting heart checks, without the presence of a female nurse.

He was released on police bail on March 2, but was **detained again** on March 7 in connection with the same offence.